

# Nani Sahirah idam emas lontar peluru Sukan SEA 2025



**ATLET** lontar peluru wanita negara, Nani Sahirah Maryata berharap akan menukar warna pingat kepada emas pada temasya Sukan SEA 2025 di Thailand dari 9 hingga 20 Disember depan.

Atlet berusia 24 tahun kelahiran Kuantan, Pahang itu sekadar memenangi pingat gangsa pada penampilan sulung di Kemboja dua tahun lepas.

“Sasaran saya pada tahun ini adalah untuk menggenggam emas,” katanya.

Berbaki sembilan bulan lagi, penuntut Universiti Putra Malaysia (UPM) itu dilihat berada di landasan tepat dalam merealisasikan sasaran berkenaan selepas muncul pemegang rekod kebangsaan acara ini dengan lontaran sejauh 15.70 meter (m) yang dilakukannya pada Kejohanan Grand Final Varsity Track & Field tahun lalu.

Nani Sahirah memperbaharui rekod peribadi iaitu 15.39m sebelum ini.